PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	06 JULY 2017

SIRI 5

UMNO TERBELAH DUA

Um – 6/7/2017 pg. 10

MUKADIMAH SEJAK dulu lagi Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad penuh dengan kerenah dan sikapnya yang kontroversi serta sukar dikawal sesiapa.

Gelagat bekas Perdana Menteri itu seolah-olah suatu seni politik 'sapu sahaja, janji boleh' - yang setara dengan inti pemikiran politik Machiavelli yang berteraskan kekuasaan.

Ikuti babak-babak yang pernah dicetuskan Dr. Mahathir semasa beliau berurusan dalam parti dan kerajaan dalam 10 siri yang dilaporkan wartawan *Utusan Malaysia*, **ZULKIFLI JALIL.**

KONFLIK pimpinan antara Dr. Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah pada 1987 jelas membelah dua UMNO dari atas sampai ke bawah. Tengku Razaleigh yang persahabatannya dengan Dr. Mahathir bertali arus berpuluh tahun akhirnya bertembung politik pada tahun berkenaan apabila mereka berdua berebut jawatan Presiden UMNO.

Perlawanan raksasa itu yang menyaksikan UMNO terbahagi kepada Team A dan Team B akhirnya memberi kemenangan kepada Dr. Mahathir. Kekalahan 43 undi Tengku Razaleigh atau lebih dikenali sebagai Ku Li di tangan Dr. Mahathir benar-benar menggelombangkan keadaan.

Agaknya jika kekalahan itu lebih 100 atau 200 undi mungkin tidak begitu bergelora.

Dipercayai Team B yang diketuai Ku Li sebenarnya berasa jauh hati kerana kecenderungan Dr. Mahathir yang menampakkan menatang Anwar Ibrahim yang jelas menerima status *'blue-eyed boy'* daripada Presiden UMNO itu. Ini sehinggakan ramai pemimpin berkaliber terasa diketepikan.

Ku Li, Musa Hitam, Rais Yatim, Shahrir Samad, Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi), Marina Yusof, Zainal Abidiin Zin dan Syed Hamid Albar antara lain, sering berasa tersisih daripada arus baharu itu. Dirasakan Anwar yang baru menyertai UMNO pada 1982 sudah menukar banyak tradisi dalaman UMNO yang menyebabkan fokus nasionalisme parti itu terpesong.

Kemaraan Anwar yang tampak berlakon dalam parti tidak menghalangnya mencapai tahap demi tahap yang dikhuatiri akan mengubah secara langsung hala tuju UMNO. UMNO dikatakan sudah diserap budaya atau sistem kader *(cadre)*.

Dikatakan Sanusi Junid pun yang agak 'berbulu mata' melihat gelagat Anwar tidak berupaya keseorangan memainkan peranan memulihkan keadaan.

Dalam konteks tentangan yang dimajukan oleh Ku Li terhadap pimpinan Dr. Mahathir, ia boleh dianggap sebagai satu penyimpangan nilai. Ini kerana tidak pernah sebelum ini seseorang Naib Presiden parti menentang presiden secara terang-terangan.

TENGKU RAZALEIGH HAMZAH (dua dari kiri) yang tewas di tangan Dr. Mahathir Mohamad menghulurkan tangan mengucapkan tahniah kepada beliau sambil diperhatikan Tun Musa Hitam (kiri) selepas pemilihan parti itu pada 1987. –ARKIB UTUSAN

Selepas April 1987, suasana dalam UMNO cukup kusut.

Yang menjadi kekusutan ialah bagaimana menstruktur dan menyusun UMNO semula setelah begitu berkecamuk keadaan dari cawangan hingga ke Majlis Tertinggi (MT).

Ekoran itu sekumpulan 11 orang diketuai Mohd. Noor Othman dari Pulau Pinang dan Abdul Rahim Abdul Rahman dari Bahagian Telok Kemang mengemukakan saman pemula di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk memohon supaya keputusan pemilihan pimpinan 24 April dibatalkan.

Alasan yang diberi oleh 'Kumpulan 11' itu ialah terdapat 30 cawangan di Kelantan, Perak, Terengganu, Selangor, Pulau Pinang, Pahang dan Negeri Sembilan yang membenarkan anggota parti yang tidak membayar yuran keahlian tahunan hadir dan mengambil bahagian dalam sesi pemilihan di mesyuarat perwakilan bahagian tertentu.

Akhirnya Hakim Tan Sri Harun Hashim pada 1989 memutuskan bahawa lantaran sekian ramai wakil cawangan UMNO yang tidak sah terus menyertai mesyuarat-mesyuarat di peringkat cawangan, bahagian dan Perhimpunan Agung UMNO 24 April 1987, maka semua sesi mesyuarat UMNO didapati tidak sah kerana melanggar Seksyen 43 Akta Pertubuhan 1966.

Beliau pun memutuskan UMNO semenjak berlakunya kesalahan melanggar Seksyen 12 (3) Akta itu adalah sebuah pertubuhan haram.

Pemilihan pimpinan UMNO pada 1987 sebenarnya adalah manifestasi pelbagai isu dan perkembangan. Tiga hari selepas Ku Li dan Rais meletak jawatan, Dr. Mahathir mengumumkan pemecatan Pak Lah, Shahrir, Zainal Abidin dan Rahmah Osman daripada jawatan masing-masing selaku Menteri dan Timbalan Menteri.

> **UMNO terus dilanda krisis selepas 24 April 1987. Pergolakan berlaku di atas tetapi gelombangnya sampai ke akar umbi."**

Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman dan Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn turut memainkan peranan penting dalam pergolakan dalaman UMNO. Kedua-duanya kerap berinteraksi dengan Ku Li serta beberapa orang pimpinan Team B tentang masa depan UMNO.

Tulisan Tunku dalam akhbar *The Star* berkaitan isu itu serta berkisar politik tanah air waktu itu turut mendapat perhatian umum dan terus menjadi ruangan popular media tempatan.

Barangkali sebab itu tidak berapa lama selepas Ops Lalang 1988, penerbit *The Star* memaklumkan kepada Tunku bahawa tulisannya terpaksa dihentikan atas desakan pihak-pihak tertentu. Dikatakan Tunku berkata kepada Team B: "Tak apa, ini masa depa".

Selepas itu, Tunku sering kritis terhadap sebarang tindakan pihak berkuasa termasuk mengenai kes tangkapan beramai-ramai yang dilakukan ke atas Lim Kit Siang, Ibrahim Ali, Dr. Chandra Muzaffar, Karpal Singh dan lain-lain di bawah Ops Lalang Ogos 1988.

The Star digantung penerbitannya beberapa bulan. Salah satu mangsa tindakan ialah Tunku tidak lagi dibenarkan oleh editorial akhbar itu menyiarkan tulisan beliau. UMNO terus dilanda krisis selepas 24 April 1987.

Pergolakan berlaku di atas tetapi gelombangnya sampai ke akar umbi.

Ini membawa penubuhan UMNO baharu (proksi Dr. Mahathir) dan Parti Melayu Semangat 46 (proksi Ku Li), setahun kemudian.

Benarlah kata-kata lama: busuk ikan bermula di kepala, bukan di ekornya. Gajah berlaga sama gajah, pelanduk tersepit di tengah-tengah.